

KAHWIN DAN MASYARAKAT BERUMAH TANGGA

Masalah Talak dan Hukum-hukum yang bertali dengannya

Hubungan antara suami isteri akan menjadi kekal dan bahagia apakala dapat diikat dengan peraturan-peraturan yang menurut syariat Islam, peraturan-peraturan yang memang sesuai dengan kejadian manusia, lebih lagi bila ditambah dengan ikatan “*al-rahmah*” yang menjadi tujuan perkahwinan yang utama. Itulah sebabnya Allah *subhānahu wa ta’alā* tidak menyukai “talak”, senjata yang memutuskan hubungan suami isteri.

(Oleh: Al-Ustādh Abdul Rahman Ya’kub)

Walaupun ada ketikanya dibenarkan supaya perhubungan itu diputuskan, kerana kedua suami isteri itu tidak dapat bersatu dan bersefahaman, namun talak hendaklah dilakukan setelah ditimbang dengan cukup teliti.

Di dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Rasul Allah *sallā Allāh ‘alayhi wa ālihī wa sallam* bersabda:

“*Abghad al-halāl ilā Allāh al-ṭalāq*”.

“Perkara yang halal yang sangat-sangat dimurkai oleh Allah ialah talak.”

‘Ulama’ sepakat mengatakan bahawa seseorang lelaki yang menceraikan isterinya dengan tiada sesuatu sebab, atau kerana sebab-sebab yang tidak dibenarkan oleh syariat Islam, maka perbuatannya itu berdosa, kerana disifatkan mempermainkan ayat-ayat Allah. Mengenai hal ini, Allah ‘azza wa jalla berfirman:

“*Wa lā tattakhidhū āyāti Allāhi huzuwā, wa adhkuru ni’mata*

Allāhi ‘alaykum wa mā anzala ‘alaykum mina al-kitābi
wa al-hikmati ya ‘izukum bihi wa al-taqū Allāha wa a’lamū anna Allāha
bi kulli shay’in ‘alīm” (231, *al-Baqarah*)

“Dan janganlah kamujadikan ayat-ayat Allah itu suatu permainan, dan ingatlah kamu akan nikmat Allah atas kamu, dan apa-apa yang diturunkannya atas kamu daripada kitab dan ilmu, iaitu diajarinya kamu dengannya, dan takutlah kamu akan Allah, dan ketahuilah bahawa Allah amat mengetahui akan segala-galanya.”

Demikian pula sebaliknya dilarang perempuan menuntut talak itu kepada suaminya dengan tidak ada sesuatu sebab yang dibenarkan oleh syariat Islam, sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasul Allah *sallā Allāh ‘alayhi wa ālihī wa sallam*, sabdanya yang bermaksud:

“Siapa sahaja perempuan-perempuan yang menuntut talak kepada suaminya dengan tidak ada sesuatu sebab, maka haramlah atasnya mencium bau syurga. (Riwayat Abu Dawūd).

Apabila berlaku perselisihan dan persengketaan di antara suami isteri, maka hendaklah diadakan orang tengah seorang dari pihak suami, dan seorang lelaki

dari pihak isteri. Usaha orang tengah ini ialah untuk mendamaikan perselisihan kedua suami isteri tersebut.

Hukum ini telah dinyatakan di dalam al-Qur'an:

"Wa in khiftum shiqāqa baynihimā fa ab 'athū ḥakaman min ahlihi wa ḥakaman min ahlihā in yurīdā iṣlāhan yuwaqqi Allāhu baynahumā inna allāha kāna 'alīman khabīran" (34, *al-Nisā'*).¹


"Jika kamu takuti perselisihan di antara kedua suami isteri maka hendaklah kamu utus seorang orang tengah (hukum) dari pihak keluarga suami dan seorang orang tengah dari pihak keluarga isteri: Jika kedua orang tengah itu menghendaki

perdamaian nescaya Allah menjadikan keduanya (suami isteri) damai dan semua pakat, sesungguhnya Allah amat mengetahui dan amat bijaksana.

Di dalam kitab "*al-Muhallā*", jilid 10 muka 88,

ibn Ḥazm berkata: "Bahawa tidak ada hak bagi kedua orang tengah itu, atau bagi hakim bertindak menceraikan kedua suami isteri itu, kecuali kalau ada nas sunnah Nabi yang mewajibkan putusnya akad perkahwinan keduanya".

Dengan menempuh jalan perdamaian untuk mendamaikan perselisihan yang berlaku di antara suami isteri adalah menjadi salah satu bukti yang terang bahawa ajaran syariat Islam memang tidak menyukai talak itu.



Suatu pemandangan dalam majlis bahas anjuran Persatuan Kebudayaan Melayu, Singapura, yang telah berlangsung baru-baru ini.

¹ Dalam Qalam ditulis sebagai *al-Nisā'*, 53

Kalau pula berlaku perceraian kerana dibenarkan oleh Islam, maka itu masih ada larangan lain, iaitu janganlah menjatuhkan talak itu ketika isteri sedang berada dalam haid. Sementara menunggu isteri itu suci daripada haidnya, maka diharap akan timbul hal-hal yang dapat membuka jalan perdamaian, selain daripada itu akan dapat membersihkan hubungan di antara suami isteri yang lama itu, manakala bekas isteri itu akan berkahwin dengan lelaki yang lain pula.

Selain daripada itu, sesudah talak yang pertama dan yang kedua, maka suami diberikan hak rujuk kepada bekas isterinya dalam masa “iddah” iaitu tiga kali suci, dan sebelum melahirkan anak kalau isterinya sedang mengandung.

Tetapi manakala talak itu telah jatuh bagi kali yang ketiga, tidaklah ada lagi hak bagi lelaki itu untuk rujuk kepada bekas isterinya itu. Ia boleh bersatu kembali bersama dengan bekas isterinya itu sesudah perempuan itu berkahwin dengan lelaki yang lain dan telah bercerai dengan cara yang sah, tetapi hendaklah melalui “akad perkahwinan” yang baharu.

Hal ini adalah merupakan suatu rahsia yang terkandung dalam ajaran syariat Islam yang menghendaki supaya akad perkahwinan itu dijaga supaya kekal dan berpanjangan, orang yang mutuskannya disifatkan telah menyalahi tujuan akad nikah yang sebenarnya.

Kesimpulan:

1. Perkahwinan ialah salah satu peraturan tabī ‘ī dan menjadi salah satu nikmat yang besar bagi kehidupan manusia.
2. Perhubungan di antara suami isteri itu

mustahak diatur dengan beberapa peraturan syarak

mengenai hak dan kewajipan masing-masing.

3. Allah *subhānahu wa ta‘alā* menghendaki supaya perhubungan suami isteri itu kekal dan bahagia, hidup bertolong-tolongan di atas kebijakan dan takwa dan sanggup berbuat jasa dengan sebanyaknya kepada masyarakat manusia.
4. Allah ‘azza wa jalla sangat membenci kepada talak, dan menentukan beberapa jalan dan peraturan yang baik supaya talak itu dapat dihindarkan.
5. Beberapa larangan yang mustahak dijauhi ketika hendak menjatuhkan talak itu, untuk menjaga kesucian akad perkahwinan sehingga dapat dibuktikan bahawa dia (akad perkahwinan) ialah suatu nikmat dan kebahagiaan dalam kehidupan manusia.

Buku-buku untuk Umum dan Sekolah-sekolah:

1. Pelajaran Sembahyang I	\$1.20
2. “ “ II mengenai Imam, Makmun, Masbuk, Jenazah dan lain-lain	\$1.20
3. Mari Sembahyang (Untuk kanak-kanak lelaki)	\$1.20
4. Mari Sembahyang (Untuk kanak-kanak perempuan)	\$1.20
5. Ibadah Rasul Allah (S.A.W) (tinggal sedikit)	\$3.00
6. Panduan Membaca dan Menulis Jawi	\$1.50
7. Baca I	\$1.00

Buku-buku Sejarah:

1. Muhammad <i>sallā Allah ‘alayhī wa sallam</i> 1	\$1.20
2. “ “ “ “ “ “ 2	\$1.20